

## Keperwiraan dan Keimanan

### Babak Pertama

**Tempat:** Pemandangan di sebuah bukit, berhadapan dengan bangunan rumah-rumah dan kebun.

**Para pelakon:** Seorang tua berumur lima puluh tahun lebih – tiga orang kanak-kanak. Yang besar berumur tidak kurang daripada empat belas tahun.

**Masa:** Di antara waktu Asar dan Maghrib

**Arahan:** Kelihatan seorang tua bersedih. Di sebelah kirinya, anak-anaknya. Tiga orang.

Terjemahan: H.M. Muhsin - Kaherah.

Ayah: “Wahai Palestin kecintaanku. Wahai buminya yang subur dan tumbuh-tumbuhannya yang menghijau. Aku sungguh bersedih berpisah dengan kau. Jika sekiranya aku diberi wang sebagai harga kau, nescayalah aku tidak reda. Sekiranya mereka binakan gunung-ganang dari emas, supaya meninggalkan kau, tidaklah aku menerimanya. Tetapi apa boleh buat, aku disingkirkan setelah aku tidak kuasa lagi mengangkat senjata. Pandanganku gelap. Hatiku luka. Lukanya hatiku tidak ada ubatnya, melainkan aku kembali ke pangkuanmu dan berlindung di bawah naunganmu.”

(Berpaling ke arah anak-anaknya sambil menunjuk-nunjuk dengan tongkatnya) “Inilah dia tanah air kamu, tanah air orang tua kamu dan pusaka datuk-datuk nenek kamu!

Pandanglah di sana, ke sebuah rumah berhadapan dengan sebatang pokok yang besar. Itulah rumah kamu yang sebenar-benarnya rumah yang ku buat dengan tenaga sendiri.”

Farīd: “Kalau begitu mengapa bapa

tinggalkan dia? Dan kenapa bapa bawa kami ke pondok yang kecil ini? . . . Melemaskan kami apabila musim sejuk menjelang tiba, dan membakarkan kami apabila musim panas menjelang datang juga . . .”

Ayah: (Melihat ke arah Farīd dengan tenang, kemudian berkata): “Kebun-kebum yang luas itu mengingatkan kami dan bapa-bapa kami ke suatu peristiwa . . . inilah kebun-kebum dan kamulah berhak memetik buah-buahannya. Bapa-bapa kamu dilahirkan di sana.”

Riyāth: (Memotong segera percakapan bapanya): “Kenapa bapa bawa kami ke padang pasir yang kering-kontang ini dan panasnya menggigit-gigit, sedang kami tidak dapat merasai sebiji buah pun.”

Ayah: (Tenang keadaannya, kemudian berkata): “Sungainya yang kecil ini . . . dan airnya yang mengalir ke bumi-bumi kamu itu . . . tetapi . . .”

Wā’il: “Wahai bapaku! Kalau begitulah, mengapa kami dibiarkan menderita sepanjang masa sedang kami tidak dapat merasai dan menikmati

segala-gala hasil-mahsul negeri kami sendiri – tidak dapat merasai buah-buahannya yang masak ranum dan meneguk airnya yang putih jernih dengan sepuas-puasnya?”

Ayah: “Dawai-dawai yang berduri inilah jadi pemisah . . . sungguhnya kesemuanya itu adalah kepunyaan kita, tapi apabila kami telah digempur oleh angkatan bersekutu - Yahudi, penjajah dan pengkhianat-pengkhianat bangsa, tanah air dan agamanya, maka kami telah dikalahkan, serta diusir dihalau seperti binatang buruan dari tanah air kami.”

Riyāth: “Tidakkah kamu mendapat pertolongan dari orang-orang Arab yang lain, sebangsa dan seagama?”

Ayah: “Ya, . . . kami telah bematimatian memerangi mereka. Nyata kemenangan pada mulanya adalah bagi pihak kami, meskipun kami serba kekurangan, tetapi sekiranya tidak ada . . .”

Riyāth: “Sekiranya, apa ayah? . . .”

Ayah: “Sekiranya tidak ada petualang, pengkhianat, dan tidak ada pertolongan

dari kaum penjajah, nescayalah kami dapat menghancurkan-leburkan kaum-kaum Yahudi itu.”

Riyāth: “Sesungguhnya Allah Maha Besar dan Amat Benar.” Kaum Yahudilah menjadi fitnah! Janganlah kamu menyangka mereka yang menganiaya dan pada kamu akan ditempatkan di tempat yang istimewa. Ketahuilah! Sesungguhnya Tuhan akan menyiksa dengan seksaan yang amat pedih.

Farid: “Wahai bapaku, . . . berilah kami senjata supaya kami dapat berpijak – hidup dan mati di atas persada tanah air kami sendiri. Dan supaya kami dapat membebaskan tanah air kami daripada cengkaman kuku besi kaum-kaum Yahudi, supaya kami dapat hidup dan kembali ke persada ibu pertiwi yang kami cintai itu.”

Ayah: “Anakku! . . . Sekarang masa belum mengizinkan kamu untuk kamu berbuat demikian . . . besok kamu akan jadi seorang pemuda. Ketika itulah kamu angkat senjata,

sebarisan dengan pemuda-pemuda yang lain untuk membebaskan tanah air kamu itu dan pulanglah kamu ke negeri kamu sendiri . . . lantaran itulah aku bawa kamu semua ke mari, supaya dapat mengetahui tanah airmu. Tunggulah masanya . . . inilah dia tanah airmu.” (Sambil mengeluarkan sekeping kertas dari sakunya) “Inilah buktinya aku harap kamu akan memilih di antara dua: mati dalam menegakkan kebenaran ataupun beroleh kemenangan . . . kedua-duanya iaitu adalah mulia dan bersatulah dengan *guerrilla-guerrilla* kita . . .”

Riyāth: “Wahai bapaku, kami dengan *guerrilla-guerrilla* kita sedang masuk ke tempat musuh. Mereka sembelih mereka itu. Mereka letupkan bom-bom. Di manakah tempat mereka itu? . . . Supaya kami dapat pergi ke tempat mereka.”

Ayah: “Tengoklah ke kemuncak gunung sana! . . . di sebelah kanannya ada tiga batang pokok tersusun rapi . . .”

Anaknya: (Serentak berkata) “Ya . . .”

Ayah: “Di bawahnya ada sebuah gua yang sangat dalam dan besar. Di situlah tempat persembunyian *guerrilla-guerrilla* kita. Kerana merekalah, maka kaum-kaum Yahudi tidak dapat tidur dan sentiasa dalam ketakutan. Merekalah yang akan membebaskan Palestin dari cengkaman kaum Yahudi, jika Tuhan menghendaki.”

Anaknya: “Kami akan bersabar . . . dan kami bersedia berkhidmat demi untuk kepentingan negara dan kebebasan Palestin di suatu masa nanti dan kepada-Nyalah kami akan kembali.”

Ayah: “Jika Tuhan menghendaki. Kepada kamu semua bapa amanatkan, supaya kamu jangan memberitahu sesiapa pun tempat persembunyian *guerrilla-guerrilla* kita itu. Kalau bocor, hancur-leburlah segala harapan bagi membebaskan tanah air kita yang dicintai itu.”

Anak-anaknya: “Sekali-kali tidak! . . . Sekali-kali tidak! !”

## Babak Kedua

**Arahan:** Di dalam bilik ketua tentera Yahudi.

**Pelakon:** Ketua tentera Yahudi, dan kakitangannya. (Orang tua dengan tiga orang anaknya.) Orang tua ditarik oleh tentera Yahudi. Yang lain bersedia dengan senapang masing-masing . . . kelihatan orang tua begitu lesu dan nampaknya tercungap-cungap.

Ketua tentera: “Di mana tempatnya *guerrilla-guerrilla* bersembunyi? . . .”

Orang tua: (Dengan suara perlahan-perlahan) . . . “Wahai Tuhan, jika tidak menjadi kemurkaan ke atas Engkau, tidaklah aku mengindahkan . . .” (Wahai orang yang beriman.

Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul. Dan janganlah kamu mengkhianati janji-janji kamu. Pada hal kamu mengetahui).

Ketua tentera: “Kau mesti tahu tempat itu.”

Orang tua: Tuhan sahaja yang amat mengetahui . . . (Wahai orang yang beriman, percayalah dan bersabarlah). (Askar-askar Yahudi memukulnya dengan gagang senapang. Dan dengan tali pinggang. Kemudian ketua tentera menerajangnya pula.)

Ketua tentera: “Cakap di mana tempat mereka itu”

(Menunjuk ke arah salah seorang tenteranya supaya mengambil dawai *current*. Kemudian dawai itu diletaknya ke atas tangan orang tua. Orang tua menjerit dengan sekuat-kuatnya kerana terlampau sakit. Askar-askar meneruskan perbuatan yang tidak bertimbang rasa itu. Ketiga-tiga orang anaknya menangis. Seorang askar menghala muncung senapangnya ke arah muka anak-anaknya)

“Hai tidak tahu . . . di mana tempatnya itu? . . .”

Orang tua: “Tidakkan kau mengerti . . . aku tidak tahu . . . tidak tahu.”

Ketua tentera: “Tidak tahu!”

(Sambil bangun dari tempat duduknya berjalan mundur-mandir dalam biliknya sambil menepuk-nepuk tangannya.) “Mereka itulah yang menyebabkan kami tidak dapat tidur dan menyebabkan kami dalam ketakutan. Di mana tempat mereka itu?”

(Duduk semula. Kemudian memerintah askar-askarnya supaya memerintahkan penyeksaan ke atas orang tua itu. Asap rokoknya dihembus kuat-kuat. Meja dipukulnya dengan tangan. Kemudian berhenti sambil mengisytiharkan kepada askar-askarnya supaya keluar dari bilik. Anak-anaknya berlari-lari menuju ke arah bapanya - mereka memeluk dan mencium-cium bapanya dengan air mata yang mengalir).

Anaknya: (Dengan suara perlahan-lahan)

“Bapa cakaplah kepada mereka itu . . .” (Ketua tentera bangun dari tempat duduknya. Anak-anaknya ketakutan,

sambil memeluk erat-erat orang tua mereka)

Ketua tentera: “Wahai tuan. Kasihanilah anak-anak tuan itu dan sayangilah diri tuan sendiri. Sungguhnya *guerrilla-guerrilla* itu memusuhi kami.”

Orang tua: “Tidak ada Tuhan melainkan Dia. Dialah yang mempunyai kedudukan yang istimewa dan yang paling agung.”

Ketua tentera: “Cakaplah tuan! Kami sanggup menempatkan tuan ke mana sahaja tuan mahu. Kami sanggup menyediakan rumah dan memberi harta supaya tuan menjadi orang yang paling kaya di kalangan orang-orang Arab. Tuan boleh menghantar anak-anak tuan ke sekolah-sekolah menengah dan ke universiti-universiti.”

Riyāth: “Rumah . . . kebun . . .”

Farīd: “Sungai yang indah.”

Wā’il: “Pelajaran . . . harta . . . pakaian yang cantik-cantik, macam anak-anak raja! . . . (ketiga-tiganya terus berkata): Cakaplah bapa. Cakaplah bapa! ! !”

Ketua tentera: “Sesungguhnya tuan akan menggembirakan hati anak-anak tuan . . . dan anak-anak tuan akan bergembira dengan kebun yang indah-indah . . . dan dengan sungai yang mengalir tenang, berpengetahuan, mempunyai harta . . . cakaplah wahai tuan . . . ! ! !”

(Ketiga-tiga anaknya serentak berkata, sambil membisik-bisik ke telinga bapanya) “Kami akan cakap pada mereka itu.”

Ayah: (Bangkit dari tempat jatuhnya

serta memandang ke arah anak-anaknya dengan pandangan yang kehairanan) “Ayah akan cakap pada mereka, tempat persembunyian *guerrilla-guerrilla* kita.”

Ketua tentera: “Bagus! ! ! Kami sedia berjanji.”

Orang tua: “Tetapi . . . tetapi . . . ?”

Ketua tentera: “Tetapi . . . apa tuan?” (Orang tua didudukkannya ke atas kerusi, kemudian meminta air. Darah dan peluh di muka orang tua itu, dikesat-kesatkannya dengan sapu tangannya).

“Tetapi apa tuan?” (Tanya ketua tentera itu)

(Ketiga-tiga anaknya berkata:)

“Cakaplah bapa, ataupun kami beritahu mereka.”

Orang tua: “Bapa akan cakap pada mereka, tapi dengan satu syarat . . .”

Ketua tentera: “(Apa syaratnya ayah?”

Orang tua: (Berbisik dengan ketua tentera): “Keluarkan kesemua kanak-kanak itu dari bilik ini.” (Ketua tentera memerintah salah seorang daripada kakitangannya supaya mengeluarkan ketiga-tiga orang anak-anak itu.)

Ketua tentera: “Apa syaratnya?”

Orang tua: “Kami bangsa Arab umat Islam seluruhnya adalah memelihara apa yang diamanah dan menjaga kemuliaan kami . . . aku akan cakap, tetapi apabila anak-anak kami besar nanti, dan mereka itu tahu bapa-bapa mereka pengkhianat bangsa, maka mereka akan mengutuk dengan sehabis-habisnya. Dengan sebab itulah makanya aku tidak dapat

menanggung – penderitaan. Akan mahu menghabiskan masa hidupku dalam keadaan aman dan tenteram.”

Ketua tentera: “Itu betul . . . apa yang tuan . . . mahu? Dan apakah syaratnya?”

Orang tua: “Aku tidak mahu melihat anak-anakku . . . dengan sebab itu, kau bunuhlah anak-anakku satu, satu, di hadapanku sendiri, supaya

hidupku dalam kemuliaan dan bukan dalam kecacatan. Dan supaya di suatu masa nanti, tidak ada orang yang mencela-celaku.”

Ketua tentera: “Tetapi mereka itu anak-anak tuan.”

Orang tua: “Ya, mereka itu anak-anakku . . . tetapi apa yang ku pinta itu menjadi syarat. Percayalah pada ku!”

Ketua tentera: “Baiklah”

(Ketua tentera memanggil kakitangannya. Sebentar kemudian ketiga-tiga orang kanak-kanak itu dibawa ke hadapan orang tuanya. Ketiga-tiga pelurumengena ketiga-tiga kepala kanak-kanak itu. Mereka terus jatuh, berlumuran darah. Orang tua, ayah kepada tiga orang anak itu, menutup mukanya dengan tangan. Kemudian pengsan.)

### Babak Ketiga

**Ketua tentera** memerintah kakitangannya mengeluarkan mayat-mayat ketiga-tiga orang kanak-kanak itu. Setelah orang tua itu sedar dari pengsanannya, ketua tentera meminta segelas air teh . . .

Ketua tentera: “Sekarang cakaplah di mana tempat itu. Supaya kami dapat tidur dengan lenanya . . . supaya pangkat-pangkat kami dinaikkan.”

(Salah seorang dari tentera-tentera itu menyuruh orang tua itu minum) : “Jemput minum. Tuan . Jemput!”

(Orang tua itu menggeleng-gelengkan kepalanya sambil dia meletakkan dagunya ke atas gagang tongkat. Matanya kejam. Melihat yang demikian, ketua tentera itu sendiri memberi air teh kepadanya.)

Ketua tentera: “Jemput minum tuan . . . jemput. Janganlah bersusah hati. Besok kerunsingan tuan itu akan hilang. Jemput minum. Minum. Kami sedia menunaikan janji.”

Orang tua: (Mengangkat mukanya perlahan-lahan. Kemudian memandang tepat ke muka ketua tentera – tidak beralih-alih. Tiba-tiba gelas yang berisi air teh itu dipukulnya. Percikan air itu mengena muka ketua tentera . . . ia bingkas dari tempat duduknya,

bercakap dengan suara yang keras

- meninggi: “Aku telah berjanji - dan janjiku itu tidak akan ku ubah. Aku tidak akan cakap. Amanah adalah paling berharga, tidak ada nilainya. Dunia adalah palsu, dan kosong. Aku tidak akan terangkan tempat persembunyian mereka itu. Aku telah suruh kau membunuh anak-anakku, padahal mereka itulah manusia yang aku kasihi. Dan mereka itulah yang tahu juga tempat persembunyian *guerrilla-guerrilla* itu. Sekarang tidak siapa yang mengetahui, melainkan Tuhan dan aku sahaja. Mati dalam kemuliaan itulah yang ku cita-citakan . . .”

(Ketua tentera mengesat-ngesatkan percikan air teh di mukanya. Kakitangannya kelihatan tidak tenteram. Orang tua meneruskan percakapannya): “Tidak. Aku tidak akan beritahu . . . – sesungguhnya semangat keIslaman yang menyebabkan Palestin bebas dari kaum Salib dahulu sudah cukup

untuk membebaskannya dari penyamun-penyamun Yahudi sekarang. Bunuhlah! . . . Sembelihlah! . . . Buatlah apa yang kamu suka! Tapi Jiwa yang penuh dengan keimanan dan kepercayaan perjuangan itu jalan untuk menuju ke syurga tidak sekali-kali kamu dapat melentur dan mempengaruhkannya.

Ketua tentera: Dengan suara yang garang bunuhlah dia! !, Orang tua bedebah ini! (Dengan serta-merta peluru hinggap ke seluruh anggota orang tua itu sehingga ia menghembuskan nafasnya yang terakhir.)

“Syurga bagi kami dan neraka untuk kamu. Bersyukurlah aku telah mati syahid semoga Tuhan pertemukan aku dengan anak-anakku di syurga nanti dan dicurahkan-Nya rahmat sentiasa.

Suara gema:

*Qāla Allāh Ta‘ālā: Min al-mu‘minīn rijāl ṣadaqū mā ‘āhadū Allāh ‘alayhi fa minhum man qaḍa nuḥibbuhu wa minhum man yantazir wa mā baddalū*

*tabdilā.*

Tamat.